



KEMENTERIAN BELIA, SUKAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN SARAWAK

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO SEMPENA SARAWAK YOUTH FEST 2025

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Sarawak Youth Fest 2025 atau Sambutan Minggu Belia Sarawak merupakan acara tahunan bertujuan untuk mengiktiraf sumbangan para Belia di dalam agenda pembangunan Negeri.
- 1.2 Ianya turut memberi peluang dan ruang kepada para belia untuk mengetengahkan kepelbagaian kreativiti serta bakat mereka di dalam bidang yang mereka minati.
- 1.3 Tema Sarawak Youth Fest 2025 ialah **"Belia Aspirasi Kita"** membawa maksud bahawa golongan belia mencerminkan harapan, impian dan masa depan sesebuah masyarakat atau negara.

2.0 OBJEKTIF PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO

- 2.1 Mencipta Logo untuk Sarawak Youth Fest 2025
- 2.2 Memberi peluang kepada orang ramai terutama belia untuk mengambil bahagian dalam sambutan ini.

3.0 SYARAT PERTANDINGAN, SPESIFIKASI REKA BENTUK LOGO DAN BORANG PENYERTAAN

3.1 Syarat dan Terma Pertandingan

- a. Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada semua belia di Sarawak yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun.
- b. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Walau bagaimanapun, hanya satu logo akan dipilih sebagai pemenang.

- c. Semua ciptaan mestilah asli dan tidak diveduk / ditiru / diciplak dari mana-mana logo tempatan mahupun dari luar negara.
- d. Semua logo yang diterima oleh Urus Setia Pertandingan akan menjadi hak milik Kementerian Belia, Sukan Dan Pembangunan Usahawan Sarawak dan tidak akan dikembalikan. Kementerian Belia, Sukan Dan Pembangunan Usahawan Sarawak berhak ke logo yang terpilih sama ada untuk dipinda atau diubahsuai bagi maksud untuk digunakan atau dipamerkan ataupun dicetak dalam mana-mana acara atau majlis rasmi Kerajaan.
- e. Pemenang utama akan menerima hadiah wang tunai beserta sijil penyertaan.

3.2 Spesifikasi Reka Bentuk Logo

- a. Reka Bentuk mestilah baru dan asli serta tidak mengandungi unsur atau elemen yang boleh dianggap sensitif dan boleh menyinggung mana-mana pihak. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga. Penyertaan akan terbatal sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli/ ciplak.
- b. Pereka hendaklah memberi keterangan atau penjelasan (rasional) ke atas reka bentuk logo dan simbol serta warna yang digunakan.
- c. Reka cipta logo hendaklah mempunyai sekurang – kurangnya dua (2) warna tetapi tidak melebihi lima (5) warna.
- d. Berciri gabungan moden dan futuristik menggambarkan identiti Belia dan bersesuaian dengan tema belia.
- e. Reka bentuk hendaklah menarik, jelas, mudah dan kemas.

3.3 Borang Penyertaan

- a. Setiap peserta hendaklah mengisi borang penyertaan yang disediakan.
- b. Maklumat peserta hendaklah dicatatkan dengan jelas di belakang hasil karya masing-masing iaitu :
 - Nama Penuh
 - Nombor Kad Pengenalan
 - Alamat Penuh
 - Nombor Telefon dan
 - Penyertaan hendaklah dihantar dalam bentuk *hard copy* dan *soft copy* sama ada melalui pos atau emel (dalam format .ai dan .jpeg)

- c. Penyertaan dibuka mulai **04 Ogos 2025 (Isnin)** dan tarikh tutup **adalah pada 22 Ogos 2025 (Jumaat)**.
- d. Sebarang penyertaan yang diterima **selepas 22 Ogos 2025 (Jumaat)** tidak akan dilayan oleh pihak Urus Setia.
- e. Setiap penyertaan hendaklah dihantar ke alamat berikut :-

Urus Setia
Pertandingan Mencipta Logo
Sarawak Youth Fest 2025
Seksyen Pembangunan Belia,
Kementerian Belia, Sukan Dan Pembangunan Usahawan Sarawak
Tingkat 16, Sayap Kiri, Bangunan Baitulmakmur 2 Petra Jaya
93050 Kuching, Sarawak
Tel : 082 – 495555
Faks : 082 – 495601

- f. Pastikan di sebelah atas kiri sampul tertulis “Pertandingan Mencipta Logo sempena Sarawak Youth Fest 2025.
- g. Segala kos untuk menyertai pertandingan ini adalah atas tanggungan peserta sendiri.

4.0 HADIAH PERTANDINGAN

- 4.1 **Seorang (1) pemenang utama** bagi pertandingan Mencipta logo menerima wang tunai berjumlah **RM2,000.00** beserta **sijil penyertaan** dan **Dua (2) saguhati** menerima wang tunai berjumlah **RM250.00** beserta **sijil penyertaan** .
- 4.2 Semua pemenang akan dimaklumkan oleh pihak Urus Setia melalui telefon, surat atau emel.



BORANG PENYERTAAN
PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO
SEMPENA
SARAWAK YOUTH FEST 2025

1. BUTIRAN PESERTA

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Alamat (Pejabat) : _____

(Rumah) : _____

Emel : _____

No.Telefon : H/p _____ Pejabat _____

2. PENGAKUAN PESERTA

Adalah saya dengan ini memperakui bahawa penyertaan saya ini adalah asli dan tidak pernah dihantar ke mana-mana pertandingan seumpamanya sebelum ini.

Saya juga faham bahawa penyertaan saya akan dibatalkan secara serta-merta jika saya melanggar peraturan ini. Saya juga bersetuju bahawa jika terpilih, rekaan saya ini akan menjadi hak milik Kementerian Belia, Sukan Dan Pembangunan Usahawan Sarawak sepenuhnya dan saya tiada hak ke atasnya selepas ini.

Tandatangan : _____

Tarikh : _____